

PROSES ASIMILASI DALAM BAHASA BISAYA: ANALISIS FONOLOGI AUTOSEGMENTAL

Zaharani Ahmad

Abstrak

Makalah ini cuba menghurai dan menjelaskan proses asimilasi yang berlaku dalam bahasa Bisaya, iaitu salah satu bahasa suku kaum bumiputera yang dituturkan di Sabah. Huraian yang dipaparkan menerapkan kerangka teori fonologi autosegmental (Goldsmith, 1990) dan model geometri fitur Halle-Sagey (Halle, 1992). Proses asimilasi yang dibincangkan ialah nasalisasi hentian dan harmoni vokal. Nasalisasi hentian ialah satu proses fonologi yang mengubah bunyi hentian oral menjadi hentian nasal, manakala harmoni vokal pula ialah satu proses yang melibatkan bunyi-bunyi vokal di dalam kata berkongsi persamaan satu atau lebih ciri-ciri fonologi. Kedua-dua proses asimilasi ini dianalisis sebagai satu proses penyebaran autosegmen yang memetakan fitur tertentu dari segmen sumber kepada segmen sasaran yang akhirnya menyebabkan modifikasi berlaku. Dalam nasalisasi hentian fitur yang terlibat dalam proses penyebaran itu ialah fitur [+nasal], manakala bagi harmoni vokal pula ialah fitur [\pm rendah].

Abstract

This paper attempts to describe and explain the phonological process of assimilation in Bisaya, an indigenous language spoken in Sabah. The current description is couched in the frameworks of autosegmental phonology (Goldsmith, 1990) and geometry features of Halle-Sagey model (Halle, 1992). The assimilation processes described here are stop nasalisation and vowel harmony. Stop nasalisation is a process where oral stops become nasal stops, and vowel harmony is a process whereby vowels within words are required to share one or more phonological properties. The

process of assimilation is analyzed in this study as spreading of an autosegment that maps certain features from the source segment to the target segment, which finally leads to phonological modification. Stop nasalisation involves the spreading of [+nasal] feature, and vowel harmony maps the feature [±low].

PENDAHULUAN

Salah satu proses fonologi yang paling natural atau alamiah sifatnya yang sering berlaku dalam banyak bahasa manusia ialah asimilasi. Proses asimilasi dikatakan mempunyai motivasi fonologi yang bertujuan untuk memudahkan artikulasi. Proses asimilasi lazimnya melibatkan sekurang-kurangnya dua segmen di dalam kata, dan segmen-segmen ini boleh berada secara bersebelahan ataupun berjauhan di antara satu sama lain. Asimilasi yang berlaku dalam kes pertama itu dinamakan asimilasi bersentuh (*contact assimilation*), manakala asimilasi yang kedua itu dinamakan asimilasi berjarak (*distant assimilation*). Berdasarkan segmen-segmen yang terlibat, proses asimilasi itu boleh dikelaskan kepada empat jenis, iaitu (i) antara vokal dengan vokal, (ii) konsonan dengan konsonan, (iii) vokal dengan konsonan, dan (iv) konsonan dengan vokal.

Sehubungan dengan itu, makalah ini cuba meneliti dan menghuraikan dua jenis proses asimilasi yang berlaku dalam bahasa Bisaya, iaitu salah satu bahasa suku kaum bumiputera yang dituturkan di Sabah. Proses asimilasi yang pertama ialah asimilasi bersentuh yang melibatkan segmen konsonan dengan konsonan. Asimilasi kedua pula ialah asimilasi berjarak yang melibatkan segmen vokal dengan vokal. Asimilasi pertama dinamakan nasalisasi hentian, iaitu satu proses fonologi yang mengubah bunyi konsonan hentian oral menjadi hentian nasal, manakala harmoni vokal pula ialah satu proses yang menyebabkan bunyi vokal dalam sesuatu suku kata itu mengalami perubahan akibat dipengaruhi oleh bunyi vokal daripada satu suku kata lain dalam kata yang sama. Kedua-dua proses asimilasi ini akan dianalisis dengan menggunakan kerangka teori fonologi autosegmental (Goldsmith, 1990) bersama dengan geometri fitur model Halle-Sagey (Halle, 1992). Kajian ini mengandaikan bahawa proses asimilasi itu ialah satu proses penyebaran autosegmen yang menghubungkan fitur tertentu daripada satu segmen sumber kepada satu segmen sasaran. Penghubungan fitur itu menyebabkan segmen sasaran kini mempunyai realisasi fonetik yang berbeza.

Bahasa Bisaya¹

Negeri Sabah bukan sahaja kaya dengan pelbagai sumber alam semula jadinya, tetapi juga kaya dengan pelbagai sumber bahasa suku kaum peribuminya. Bahasa-bahasa di Sabah tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia dan dapat dikelompokkan kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan stok Austronesia Barat Laut (Smith, 1984). Bahasa-bahasa yang tergolong di bawah stok Austronesia Barat Laut terdiri daripada sembilan stok linguistik (*linguistic stock*), iaitu Lundayeh, Banggi, Illanun, Suluk, Bugis, Ida'an, Bajau, Melayu, dan Borneo. Bahasa Bisaya tergolong di bawah keluarga Dusun daripada stok linguistik Borneo (Smith, 1984).


Masyarakat Bisaya di Borneo pada umumnya menetap di beberapa wilayah di Sabah, Sarawak dan juga Brunei. Di negeri Sabah, sebahagian besar suku kaum ini menetap di daerah Beaufort dan di daerah Kuala Penyu yang terletak di bahagian pantai barat selatan Sabah. Tumpuan utama petempatan masyarakat Bisaya ialah di sepanjang sungai Padas Damit, sungai Padas Selatan, sungai Klias, dan sebahagiannya pula di Pulau Labuan. Bahasa Bisaya yang dihuraikan di dalam kertas ini merupakan varian yang dituturkan di Kampung Mansud di daerah Kuala Penyu.

Teori Fonologi Autosegmental

Gagasan utama teori ini ialah representasi fonologi itu terdiri daripada dua atau lebih tingkat, dan setiap tingkat berkenaan mengandungi untaian segmennya yang tersendiri. Umpamanya tingkat melodi mengandungi segmen fonem, tingkat skeletal memiliki segmen K (konsonan) dan V (vokal), tingkat suku kata diisi oleh segmen suku kata (σ), dan tingkat morfem pula mengandungi segmen morfem (θ). Segmen-segmen pada tingkat yang berbeza ini kemudiannya dihubungkan antara satu sama lain dengan garis penghubung. Teori ini juga menegaskan bahawa garis penghubung tidak boleh bersilang kerana jika persilangan berlaku, representasi permukaan menghasilkan bentuk yang tidak gramatis. Pemetaan garis penghubung ini dapat ditunjukkan seperti di bawah:

1 Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Aminah Awang Basar yang membantu penulis dalam memberikan maklumat tentang bahasa Bisaya, dan seterusnya membenarkan penulis menggunakan data yang dikumpulkannya di lapangan yang sebahagian besarnya dibincangkan dalam tesis sarjananya.


1. Pemetaan garis penghubung bagi kata tanam “tanam”



Representasi fonologi secara autosegmental seperti di atas kemudiannya dikembangkan kepada analisis fitur distingtif untuk merepresentasikan sesebuah fonem. Halle (1992) telah memperkenalkan model geometri fitur secara autosegmental yang dikenal sebagai model artikulasi Halle-Sagey. Model ini merupakan model yang telah diubah suai daripada model Sagey (1986). Kebaikan representasi fonologi autosegmental menurut Sagey (1986) adalah ia menggambarkan satu hipotesis tentang struktur pengetahuan linguistik yang terpendam di dalam otak manusia. Justeru, representasi sebegini mampu memberikan penghuraian yang berpada tentang proses-proses fonologi yang berlaku dalam bahasa manusia.

Dalam model ini, fitur-fitur distingtif disusun mengikut artikulatornya yang terdiri daripada enam kelas artikulator utama yang bersifat unari, iaitu glotal, akar lidah, langit lembut, labial, koronal dan dorsal. Setiap artikulator ini mempunyai fitur-fitur terminal tersendiri yang bersifat binari. Kedudukan keenam-enam kelas artikulator dan fitur-fitur yang didominasinya dapat digambarkan seperti di bawah.

2. Model geometri fitur Halle-Sagey (Halle, 1992)



Seperti yang dapat dilihat, fitur-fitur direpresentasikan dalam bentuk nodus konfigurasi berhierarki. Fitur-fitur distingtif ini berada di tingkat yang berbeza dan dihubungkan secara autosegmental antara satu sama lain dengan garis penghubung. Halle (1992) bersetuju dengan usulan McCarthy (1988) yang mendakwa bahawa fitur [± konsonantal] dan [± sonorant] merupakan akar kepada representasi sesuatu fonem. Dakwaan ini disokong oleh dua alasan yang munasabah, iaitu pertama, kedua-dua fitur ini jarang menyebarkan atau memeta keluar sebagai satu proses asimilasi penuh, dan kedua, kebanyakan bahasa menggunakan dua fitur ini untuk membezakan bunyi konsonan daripada vokal, dan sonorant daripada obstruen (Halle, 1992).

Bunyi obstruen seperti plosif, afrikat dan frikatif boleh dicirikan dengan

fitur [+konsonantal, -sonoran]. Bunyi sonoran seperti likuida dan nasal dicirikan sebagai [+konsonantal, +sonoran], manakala bunyi vokal dan geluncuran dicirikan sebagai [-konsonantal, +sonoran]. Halle (1992) juga menegaskan bahawa perbezaan di antara vokal, khususnya vokal tinggi dengan geluncuran boleh ditentukan statusnya berdasarkan kedudukan segmen tersebut di dalam struktur suku kata. Segmen yang dihubungkan dengan nodus nukleus direalisasikan sebagai vokal, manakala yang dihubungkan dengan nodus margin (iaitu onset atau koda) direalisasikan sebagai geluncuran.

Fitur-fitur lain yang berada di bawah fitur akar itu dapat dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, fitur yang dihubungkan terus dengan akar dan dianggap sebagai kelas artikulator bebas, iaitu fitur [\pm kontinuan], [\pm striden] dan [\pm lateral] yang tergolong dalam kelas fitur sekatan (*stricture*). Kedua, fitur-fitur yang dikelaskan berdasarkan enam artikulator utama, iaitu glotal, akar lidah, langit lembut, labial, koronal, dan dorsal. Semua artikulator ini bersifat unari dan mendominasi beberapa fitur terminal yang bersifat binari.

Perbezaan antara konsonan, khususnya dari segi daerah ditentukan oleh artikulator labial, koronal, dan dorsal yang kesemuanya dinaungi oleh fitur daerah oral dan seterusnya fitur supralaringeal. Bagi bunyi vokal pula, perbezaan daerah ditentukan oleh tiga fitur yang didominasi oleh artikulator dorsal, iaitu fitur [\pm belakang], [\pm tinggi] dan [\pm rendah], dan dua fitur yang didominasi oleh artikulator akar lidah, yakni fitur [\pm ATR], [\pm RTR]. Representasi autosegmental fitur-fitur ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci, apabila perbincangan mengenainya relevan dan signifikan dengan proses fonologi yang dibicarakan.

Proses Asimilasi

Pengimbuhan merupakan salah satu proses morfologi yang penting dalam bahasa Bisaya untuk menerbitkan perkataan. Proses penerbitan kata menghasilkan perilaku fonologi yang melibatkan modifikasi fonem sama ada konsonan ataupun vokal. Faktor utama yang mendorong modifikasi ini ialah proses asimilasi. Dalam analisis linear teori standard, rumus asimilasi dianggap sebagai satu proses penukaran fitur distingtif yang mana sesuatu segmen itu akan menerima fitur tertentu daripada segmen yang berdekatan dengannya agar kedua-duanya menjadi hampir sama. Sebaliknya, dalam teori fonologi autosegmental, rumus asimilasi ditafsirkan sebagai satu proses penyebaran fitur daripada segmen sumber kepada segmen sasaran. Dalam kertas ini, penulis akan membincangkan dua jenis proses asimilasi yang terdapat dalam bahasa Bisaya, iaitu nasalisasi hentian dan harmoni vokal.

Nasalisasi Hentian

Nasalisasi hentian ditafsirkan sebagai satu proses fonologi yang mengubah bunyi hentian oral menjadi hentian nasal. Proses ini berlaku dalam konteks pengimbuhan, iaitu apabila kata dasar yang bermula dengan bunyi hentian bergabung dengan awalan kata kerja aktif seperti yang ditunjukkan oleh data yang berikut:

3. Nasalisasi hentian dalam bahasa Bisaya²

Kata dasar	Kata terbitan	
[paɕal]	[mɔ̃mãɕal]	‘memaksa’
[bɔbɔg]	[mɔ̃mɔ̃bɔg]	‘memukul’
[bubul]	[mɔ̃mũbul]	‘mencabut’
[takaw]	[mɔ̃nakaw]	‘mencuri’
[tanũm]	[mɔ̃nãnũm]	‘menanam’
[kɔdut]	[mɔ̃ŋɔ̃dut]	‘mencubit’
[kɔdim]	[mɔ̃ŋɔ̃dim]	‘memanggil’
[alap]	[mɔ̃ŋãlap]	‘mengambil’
[garus]	[mɔ̃garus]	‘memarut’
[daru]	[mɔ̃daru]	‘menjadi panjang’

Data di atas menunjukkan konsonan pertama kata dasar yang terdiri daripada hentian oral /p, b/, /t/, dan /k/ telah berubah menjadi hentian nasal [m], [n] dan [ŋ]. Proses ini agak umum dalam bahasa-bahasa Austronesia, dan ia juga dikenali dengan nama proses penggantian nasal. Suatu yang menarik tentang perilaku fonologi nasalisasi hentian dalam bahasa Bisaya ialah hentian bersuara /g/ dan /d/ tidak mengalami alternasi seperti yang dijangkakan. Sebaliknya, apa yang berlaku ialah proses pengguguran nasal, iaitu segmen nasal pada imbuhan awalan itu dihilangkan. Pengecualian konsonan /g, d/ menjadikan kumpulan /p, b, t, k/ tidak beroperasi sebagai satu kelas natural yang kelazimannya menjadi domain pelaksanaan sesuatu rumus fonologi.


Dalam konteks bahasa dan dialek Melayu, proses nasalisasi hentian ini sama ada melibatkan hentian tak bersuara sahaja (cth. bahasa Melayu baku) atau semua hentian termasuk bersuara dan tak bersuara (cth. dialek-

² Dalam bahasa Bisaya, vokal yang mengikuti konsonan nasal akan mengalami proses nasalisasi. Namun, proses nasalisasi vokal yang bersifat progresif ini tidak dibincangkan di dalam makalah ini.


dialek Melayu). Namun nasalisasi hentian yang melibatkan semua hentian tak bersuara dan sebahagian hentian bersuara agak jarang berlaku. Dalam perbincangan seterusnya, penulis cuba menjelaskan bagaimana proses nasalisasi hentian ini dihasilkan dan apakah hubungannya dengan rumus pengguguran nasal dalam sistem fonologi bahasa Bisaya?

Dari segi cara artikulasi, bunyi hentian itu boleh dikelaskan kepada dua jenis, iaitu hentian oral dan hentian nasal. Bunyi hentian ini kemudiannya disubkelaskan berdasarkan fitur daerah, misalnya hentian labial /m, p, b/, hentian koronal /n, t, d/ dan hentian dorsal /ŋ, k, g/. Hentian nasal dan oral ini sememangnya tergolong dalam satu kelas natural kerana mempunyai nilai fitur yang hampir sama di samping mengalami proses fonologi yang berhubungan. Fitur utama yang membezakan dua kumpulan hentian ini ialah [± nasal]. Hentian oral dicirikan dengan fitur [-nasal], manakala hentian nasal mempunyai spesifikasi fitur [+nasal]. Perbezaan representasi fitur antara hentian oral dan nasal menurut model Halle-Sagey dapat ditunjukkan seperti di bawah:

4. Representasi bunyi hentian oral dan nasal secara autosegmental³



3 Rajah di atas tidak memberikan representasi yang lengkap dan hanya menyenaraikan fitur distingtif yang relevan dengan proses asimilasi yang ingin dibincangkan.



Seperti yang dapat dilihat pada representasi di atas, bunyi hentian oral dibezakan dengan hentian nasal hanya berdasarkan fitur [nasal] sahaja. Kehadiran fitur [+nasal] menjadikan hentian tersebut direalisasikan sebagai hentian nasal, dan tanpa fitur [nasal] hentian tersebut direalisasikan sebagai hentian oral.

Dalam kajian ini, bentuk dasar imbuhan awalan kata kerja aktif bahasa Bisaya direpresentasikan sebagai /mɔN-/. Segmen N dalam representasi ini bukannya arkifonem menurut fahaman aliran struktural, tetapi adalah segmen nasal underspesifikasi. Nasal underspesifikasi hanya memiliki fitur [+nasal] tanpa fitur daerah oral. Awalan ini juga lazim direpresentasikan sebagai /mɔ[+nasal]/ dan secara autosegmentalnya seperti dalam (5) di bawah:

5. Representasi dalaman imbuhan awalan kata kerja bahasa Bisaya


Tingkat melodi m ɔ

Tingkat fitur nasal [+nasal]

Segmen [+nasal] wujud di tingkat fitur dan ia tidak berhubungan dengan fonem tertentu, justeru ia tidak mempunyai realisasi di tingkat melodi. Sehubungan dengan itu, segmen [+nasal] ini perlu dihubungkan dengan sesuatu segmen agar ia boleh direalisasikan. Dalam kes ini, segmen yang

paling sesuai dipetakan ialah segmen hentian yang bersebelahan dengannya. Kehadiran fitur [+nasal] menyebabkan hentian oral berubah menjadi hentian nasal. Proses penyebaran ini dapat diformalisasikan seperti yang berikut:


6. Rumus nasalisasi hentian sebagai penyebaran fitur [+nasal]



Rumus di atas menunjukkan penyebaran fitur [+nasal] berlaku dari arah kiri ke kanan menuju ke nodus supralaringeal. Kombinasi fitur nasal dan fitur daerah menghasilkan hentian nasal yang mempunyai spesifikasi daerah yang sama. Proses derivasi yang menerbitkan hentian nasal ini dapat ditunjukkan dalam derivasi di bawah.


7. Proses derivasi nasalisasi hentian⁴

a. Representasi dalaman




4 Dalam makalah ini penulis hanya memberikan representasi fitur kepada segmen yang terlibat dengan proses asimilasi yang ingin dibicarakan. Representasi fitur bagi segmen-segmen lain tidak diberikan kerana tidak berkaitan dengan perbincangan yang diutarakan.

b. Rumus nasalisasi hentian – rumus penyebaran fitur nasal



c. Representasi permukaan




Proses penyebaran menyebabkan hentian labial kini mempunyai fitur [+nasal] dalam representasi fonologinya. Kehadiran fitur ini menjadikan hentian oral /b/ kini direalisasikan sebagai hentian nasal [m]. Seperti yang ditunjukkan dalam data (3), rumus nasalisasi hentian tidak berlaku pada segmen hentian koronal bersuara /d/ dan hentian dorsal bersuara /g/. Apabila proses penghubungan tidak boleh dilaksanakan, maka menurut konvensi umum segmen nasal tersebut harus digugurkan melalui rumus *stray erasure*. Rumus nasalisasi hentian dan rumus pengguguran nasal merupakan rumus leksikal yang berhubungan dan pelaksanaannya dikawal oleh syarat tempat lain (Kiparsky, 1973 dalam Goldsmith, 1990). Dalam pernyataan secara informal, syarat tempat lain bermaksud apabila dua operasi rumus dalam keadaan berkonflik dalam sesuatu derivasi, maka rumus yang domainnya agak terbatas harus didahulukan pelaksanaannya. Dengan kata lain, syarat ini menetapkan bahawa rumus khusus perlu di-

laksanakan lebih awal mendahului rumus umum. Dalam kes ini, rumus khusus, iaitu rumus pengguguran nasal perlu mendahului rumus umum, yakni rumus nasalisasi hentian.

8. Proses derivasi pengguguran nasal


a. Representasi dalaman

Tingkat melodi m ə



b. Penyebaran fitur nasal gagal dilaksanakan


Tingkat melodi m ə



Tingkat fitur nasal [+nasal]

c. Pengguguran nasal – *stray erasure*


Tingkat melodi m ə



Tingkat fitur nasal

d. Representasi permukaan


Tingkat melodi m ə






Harmoni Vokal


Sebelum kita membicarakan proses harmoni vokal yang berlaku dalam bahasa Bisaya, ada baiknya dihuraikan dahulu sistem vokal yang terdapat dalam bahasa tersebut. Bahasa Bisaya mempunyai lima fonem vokal, iaitu /i, u, o, ə, a/ (Aminah, 2004). Fonem-fonem ini boleh dibezakan antara satu sama lain melalui fitur [±tinggi], [±belakang], [±rendah] dan [±ATR]. Dengan menggunakan model fitur geometri Halle-Sagey, fonem-fonem ini boleh direpresentasikan seperti yang berikut:

9. Representasi bunyi vokal secara autosegmental⁵



5 Sama seperti representasi bunyi hentian nasal dan oral sebelum ini, rajah di atas hanya menyenaraikan fitur distingtif yang relevan dengan proses asimilasi harmoni vokal sahaja, manakala fitur-fitur lain itu tidak disenaraikan.





Vokal tinggi /i, u/ mempunyai banyak persamaan dan dibezakan hanya satu fitur sahaja, iaitu fitur $[\pm\text{belakang}]$. Begitu juga vokal tengah /o,ɔ/, kedua-duanya hanya dibezakan dengan fitur $[\pm\text{ATR}]$ sahaja. Vokal /a,ɔ/ mempunyai ciri yang sama bagi fitur $[\pm\text{belakang}]$, $[-\text{tinggi}]$ dan $[-\text{ATR}]$, tetapi berbeza untuk fitur $[\pm\text{rendah}]$. Vokal /i, u, o,ɔ/ boleh dikelompokkan sebagai satu kelas natural dengan dicirikan fitur $[-\text{rendah}]$. Generalisasi umum tentang sistem vokal ini penting untuk kita memahami proses harmoni vokal yang berlaku dalam bahasa Bisaya.

Secara umumnya, harmoni vokal ialah satu proses perubahan yang berlaku ke atas bunyi vokal dalam sesuatu suku kata akibat dipengaruhi oleh segmen vokal dari satu suku kata lain dalam kata yang sama. Seperti kes nasalisasi hentian yang dibincangkan sebelum ini, harmoni vokal juga berlaku dalam konteks pengimbuhan. Berikut diturunkan data yang menunjukkan kewujudan harmoni vokal dalam bahasa Bisaya.


10. Harmoni vokal dalam bahasa Bisaya

Kata dasar	Kata terbitan	
[dijuʔ]	[nõdijuʔ]	‘telah mandi’
[rikot]	[nõrikot]	‘telah sampai’
[tulud]	[nõtulud]	‘telah terbang’
[bukut]	[nõbukut]	‘telah ditumbuk’
[tɔlop]	[nõtɔlop]	‘telah diselam’
[kɔdim]	[nõkɔdim]	‘telah dipanggil’
[garus]	[nãgarus]	‘telah diparut’
[takau]	[nãtakau]	‘telah dicuri’
[babak]	[nãbabak]	‘telah pecah’

Data di atas menunjukkan imbuhan awalan itu mempunyai dua bentuk varian morfem, iaitu [nɔ] dan [na]. Dari segi penyebarannya, varian [nɔ] muncul bersama kata dasar yang suku kata awalnya mempunyai vokal /i/, /u/ dan /ɔ/. Varian [na] pula muncul bersama kata dasar yang suku kata awalnya terdiri daripada vokal /a/. Dalam kajian fonologi penyebaran seperti ini dianggap sebagai penyebaran saling melengkapi. Proses harmoni vokal menunjukkan bahawa vokal /a/ akan berasimilasi dengan vokal /a/, manakala vokal /ɔ/ berasimilasi dengan vokal /i, u, ɔ/.


Berdasar analisis fitur distingtif yang dihuraikan di atas, vokal /a/ berbeza daripada vokal /ɔ/ dari segi fitur [±rendah], iaitu /a/ mempunyai fitur [+ rendah] manakala vokal /ɔ/ memiliki fitur [- rendah]. Dari segi persamaan pula, kedua-duanya mempunyai fitur [- tinggi], [+ belakang] dan [-ATR]. Dalam hal ini dapat dirumuskan bahawa fitur [±rendah] memainkan peranan penting dalam menentukan proses alternasi yang berlaku antara /a/ dan /ɔ/ dalam imbuhan awalan bahasa Bisaya. Justeru, di peringkat representasi leksikal fitur [±rendah] tidak perlu dispesifikasikan untuk vokal imbuhan tersebut. Dengan lebih tepat, fitur [±rendah] dianggap sebagai bersifat underspesifikasi.

11. Representasi dalaman imbuhan awalan bahasa Bisaya



Bunyi vokal pada imbuhan awalan itu akan direalisasikan di peringkat permukaan setelah vokal tersebut mendapat fitur [±rendah] melalui proses harmoni vokal. Harmoni vokal dianalisis dalam kajian ini sebagai hasil daripada penyebaran fitur [± rendah] daripada vokal pertama kata dasar. Fitur ini menyebar dari kanan ke kiri seperti yang ditunjukkan oleh rajah di bawah:


12. Harmoni vokal sebagai proses penyebaran fitur⁶



Bagaimana proses harmoni vokal ini berlaku dalam bahasa Bisaya dapat ditunjukkan dalam derivasi di bawah:


13. Derivasi penghasilan varian morfem [n ɔ]

a. Representasi dalaman




⁶ Oleh sebab nodus laringeal, artikulator akar lidah dan fitur [ATR] tidak terlibat dengan proses harmoni vokal, maka ketiga-tiganya tidak perlu direpresentasikan di dalam geometri fitur di atas.

b. Rumus harmoni vokal – penyebaran fitur [-rendah]




c. Representasi permukaan




14. Derivasi penghasilan varian morfem [na]


a. Representasi dalaman



b. Rumus harmoni vokal – penyebaran fitur [+rendah]



c. Representasi permukaan



Derivasi di atas menunjukkan fitur [\pm rendah] dari segmen vokal suku kata pertama kata dasar memainkan peranan penting dalam menentukan realisasi vokal bagi imbuhan awalan berkenaan. Penyebaran fitur [+rendah] menghasilkan segmen [a], manakala penyebaran fitur [-rendah] menghasilkan segmen [ɔ]. Analisis fonologi autosegmental berjaya menjelaskan fenomena ini dengan baik dan berpada.

Berhubung dengan proses harmoni vokal ini, suatu perilaku yang menarik yang perlu diberi perhatian dan penjelasan ialah kegagalannya beroperasi dalam kata terbitan yang melibatkan imbuhan awalan kata kerja /mɔ [+nasal]/. Bunyi vokal dalam awalan tersebut tidak mengalami alternasi [mɔ] ~ [ma] seperti yang dijangkakan. Misalnya kata terbitan bagi [padʒal] ‘paksa’ ialah [mɔ̃mãdʒal] bukannya *[mãmãdʒal], dan begitu juga kata [takaw] ‘curi’ direalisasikan sebagai [mɔ̃nãkaw] bukannya *[mãnãkaw] (lihat data dalam 3). Berbeza daripada bahasa Bisaya, dalam bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang yang juga merupakan dua bahasa peribumi yang sekeluarga dengannya, proses harmoni vokal tetap berlaku seperti yang ditunjukkan oleh data di bawah (Zaharani, 2003).

15. Harmoni vokal dalam bahasa Rungus


[tutud]	[monutud]	‘membakar’
[bobog]	[momobog]	‘memukul’
[panaw]	[mamanaw]	‘menjalankan’

16. Harmoni vokal dalam bahasa Dusun Kimaragang

[pilat]	[momilat]	‘melukakan’
[tukad]	[monukad]	‘membuat tangga’
[batak]	[mamatak]	‘membuat batas’

Untuk menjelaskan mengapa harmoni vokal tidak berlaku pada imbuhan awalan /mɔ[+nasal]/ dalam bahasa Bisaya, kajian ini mengandaikan bahawa vokal /ɔ/ dalam imbuhan tersebut mempunyai spesifikasi fitur yang lengkap dan ini termasuklah fitur [-rendah] di peringkat leksikalnya, seperti yang direpresentasikan di bawah.

17. Representasi dalaman imbuhan awalan /mɔ [+nasal]/ dalam bahasa Bisaya
[+nasal]



Oleh sebab segmen vokal itu telah memiliki fitur [-rendah], maka proses penyebaran fitur [±rendah] tidak mempunyai motivasi fonologi untuk dilaksanakan. Justeru itu, vokal /ɔ/ tetap kekal dalam semua bentuk terbitan tanpa sebarang perubahan. Sebaliknya, bagi bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang, harmoni vokal boleh berlaku kerana fitur [±rendah] itu masih bersifat underspesifikasi dan tidak direpresentasikan di peringkat leksikalnya (Zaharani 2003). Ini menjelaskan mengapa harmoni vokal berlaku dalam bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang tetapi tidak dalam bahasa Bisaya.

KESIMPULAN

Kertas ini telah membicarakan dua jenis proses asimilasi dalam bahasa Bisaya, yaitu nasalisasi hentian dan harmoni vokal. Nasalisasi hentian ialah satu proses fonologi yang mengubah bunyi hentian oral menjadi hentian nasal, manakala harmoni vokal pula ialah satu proses yang menyebabkan bunyi vokal pada imbuhan mengalami perubahan akibat dipengaruhi oleh segmen vokal dari kata dasar. Kedua-dua proses asimilasi ini dianalisis sebagai satu proses penyebaran autosegmen yang menghubungkan fitur [+nasal] dan [±rendah] dari segmen sumber kepada segmen sasaran. Suatu yang menarik tentang proses asimilasi ini adalah proses penyebaran yang berlaku itu bersifat terbatas dan tidak menyeluruh seperti yang dijangkakan.

RUJUKAN

- Aminah Awang Basar, 2004. *Aspek Fonologi Bahasa Bisaya: Suatu Analisis Autosegmental*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goldsmith, J.A., 1990. *Autosegmental and Metrical Phonology*. Cambridge: Basil Blackwell.
- Halle, M., 1992. Phonological Features. Dlm. Bright, W. (pnyt.). *International Encyclopedia of Linguistics, Volume 3*. Oxford: Oxford University Press.
- Kenstowicz, M., 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell Publisher.
- King, J.K. & King, J.W., 1984. *Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: A.N.U. Printing Service.
- McCarthy, J.J., 1988. Feature Geometry and Dependency: A Review. *Phonetica* 45:84–108.
- Sagey, E.C., 1986. *The Representation of Features and Relations in Nonlinear Phonology*. Cambridge: MIT.
- Smith, K.D., 1984. *The Languages of Sabah: A Tentative Lexicostatistical Classification*. Dlm. King, J.K. & King, J.W. (pnyt.). *Languages of Sabah: A Survey Report*, hlm. 1–49. Australia: A.N.U. Printing Service.
- Zaharani Ahmad, 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 2003. "Harmoni Vokal dalam Bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang: Suatu Analisis Fonologi Autosegmental" dlm. *Jurnal Bahasa* 3:4, hlm. 607–623.